<p>3. Meningkatkan pemantauan ke atas prestasi perdagangan dan ekonomi rakan-rakan dagang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan profil negara rakan-rakan dagang. • Menjalankan kajian yang lebih fokus seperti bagaimana Malaysia boleh: <ul style="list-style-type: none"> - mendapat faedah daripada perkembangan pesat China/India/Timur Tengah - bersaing dengan eksport China/India di pasaran global 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengwujudan profil negara untuk semua rakan dagang. • Kajian dilengkapkan, dibentang dan mendapat kelulusan Kabinet dan melaksanakan cadangan-cadangan 	<p>2012</p>
<p>4. Meningkatkan kecekapan organisasi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan kecekapan pejabat-pejabat MITI di luar negara dengan pemantauan prestasi dan mengkaji semula kecukupan sumber. • Memberi rasional penubuhkan pejabat baru MITI di luar negara seperti di Timur Tengah, Afrika dan Amerika Latin. • Memberi latihan dan latihan semula untuk meningkat dan memperbaharui kemahiran teras dan bahasa pegawai-pegawai HEP. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menubuhkan satu jawatankuasa untuk menilai prestasi dan mengkaji semula sumber-sumber pegawai MITI di luar negara dan mengadakan mesyuarat dengan kerap. • Pejabat-pejabat luar negara MITI yang baru di Timur Tengah, Afrika dan Amerika Latin diluluskan dan diwujudkan. • Semua pegawai HEP lulus peperiksaan kemahiran Bahasa Inggeris dan telah menghadiri kursus yang berkaitan 	<p>2012</p>

PELAN TINDAKAN

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN
		seperti analisis dasar perdagangan dan rundingan dengan minimum 7 hari setiap tahun.	
5. Meluaskan akses ke pasaran serantau	<ul style="list-style-type: none"> • Merumus dan melaksanakan langkah-langkah untuk menjamin akses produk-produk dan perkhidmatan Malaysia melalui usaha berterusan dalam: <ul style="list-style-type: none"> - Penyertaan dan sokongan kepada usaha-usaha integrasi perdagangan dan ekonomi kumpulan-kumpulan perdagangan serantau di mana Malaysia adalah ahli - Penilaian dasar perdagangan dan ekonomi serta strategi kumpulan-kumpulan serantau, di mana Malaysia adalah bukan ahli. 	<ul style="list-style-type: none"> • Penyertaan aktif dalam mesyuarat, termasuklah dalam <i>Preferential Trade Agreements</i> (PTAs) dalam kumpulan-kumpulan perdagangan serantau seperti Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC), Kumpulan Lapan Negara-negara Membangun (D8), Pertubuhan Lingkaran Pantai Lautan Hindi bagi Kerjasama Serantau (IOR-ARC) dan Dialog Asia-Timur Tengah (AMED). • Melaksanakan analisa ke atas kesan pembangunan kumpulan-kumpulan perdagangan serantau seperti Kesatuan Eropah (EU), Pertubuhan Asia Selatan Kerjasama Serantau (SAARC) dan Majlis Kerjasama Negara-negara Teluk (GCC). 	2012

A world map is visible in the upper left corner of the page, rendered in a light, semi-transparent style. The background of the entire page is a vibrant blue and green abstract pattern with organic, cellular-like shapes and glowing lines, suggesting a global or technological theme.

TERAS STRATEGIK 8

Meningkatkan usaha dengan lebih proaktif untuk mengadakan rundingan perdagangan bebas melalui cadangan, koordinasi dan program *outreach* yang berkesan.

PELAN TINDAKAN

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN
1. Proaktif dalam mengenalpasti dan mengemukakan cadangan kepada rakan FTA untuk mengadakan kajian kemungkinan/ kos dan faedah dan/ atau untuk memulakan rundingan FTA.	- Mengadakan kajian menyeluruh bagi mengenalpasti dan menyenaraikan rakan FTA mengikut keutamaan bagi memastikan bekalan sumber yang penggunaan yang terhad dan efektif.	- Mengadakan 1 kajian pada tahun 2008.	2008
	- Mengadakan kajian kemungkinan/ kos dan faedah ke atas rakan FTA yang terpilih berdasarkan keutamaan.	- Menyelesaikan 2 kajian kemungkinan / kos dan faedah FTA setiap tahun.	2012
	- Mengadakan rundingan FTA dengan rakan FTA yang dikenalpasti.	- Mengadakan 2 rundingan FTA baru setiap tahun	2012
2. Mengkoordinasi dan menyelaraskan pendekatan Malaysia dalam rundingan pelbagai sektor, terutama sekali sektor barangan, perkhidmatan dan pelaburan, yang mana MITI lazimnya adalah ketua perunding.	- Mengumpul maklumat mengenai pelbagai pendekatan yang diambil setakat ini.	- Mengadakan 10 mesyuarat dengan pasukan-pasukan rundingan FTA yang berkenaan, termasuk ketua perunding dan koordinator bagi Kumpulan Kerja yang berkaitan.	2009
	- Bekerjasama dengan agensi dan industri yang berkenaan dalam menyediakan satu senarai yang komprehensif mengenai pendekatan-pendekatan yang boleh digunakan sebagai rujukan oleh perunding.	- Menubuhkan kumpulan kerja yang berpengalaman dan berkepakaran untuk menjalankan tugas ini. - Menganjurkan 10-12 mesyuarat setiap tahun bagi tujuan penyelarasan	2009


PELAN TINDAKAN

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN
<p>3. Mengemaskini rekod sedia ada undang-undang dan peraturan Malaysia yang berkaitan dengan sektor-sektor dalam FTA.</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara dan kementerian / agensi kerajaan yang berkaitan untuk mengumpul maklumat ini. - Bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara untuk mendapatkan perkhidmatan 5-6 pelajar cemerlang undang-undang dari universiti tempatan untuk membantu. 	<ul style="list-style-type: none"> - Bekerjasama dengan semua kementerian secara serentak. 	<p>2012</p>
<p>4. Program <i>outreach</i> yang berkesan</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Bekerjasama dengan MATRADE dalam taklimat yang diberi kepada pihak industri/ sektor awam mengenai penglibatan Malaysia dalam FTA dan mengenai permohonan Sijil Tempasal. - Bekerjasama dengan MATRADE dalam menerbitkan buku kecil bagi orang awam yang mengandungi maklumat bagi setiap FTA yang telah ditandatangani dan sedang dilaksanakan. - Memperbaiki maklumat mengenai FTA Malaysia di dalam laman web MITI dan MATRADE 	<ul style="list-style-type: none"> - Jadual taklimat kini sedang disediakan bersama dengan MATRADE. - Deraf sedang disediakan. - Perbincangan bersama Bahagian Teknologi Maklumat MITI dan MATRADE kini berlangsung. 	<p>Sepanjang tahun</p> <p>2018</p> <p>Akan ditentukan berdasarkan maklum-balas BTM dan MATRADE.</p>



TERAS STRATEGIK 9

**Meningkatkan kerjasama dalam
inisiatif bina upaya antara ahli
ekonomi APEC**



PELAN TINDAKAN

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN
1. Menambah cadangan inisiatif bina upaya.	<ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan kementerian dan agensi mengemukakan kertas cadangan projek untuk bina upaya. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sekurang-kurangnya lima projek dilaksanakan setiap tahun oleh Malaysia. 	2009-2012
2. Meningkatkan kesedaran komuniti perniagaan mengenai faedah penglibatan Malaysia di dalam APEC <i>Outreach Programme</i> .	<ul style="list-style-type: none"> • Menganjurkan seminar, kursus atau bengkel di Malaysia melalui pembiayaan APEC. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sekurang-kurangnya satu inisiatif setiap tahun. 	2010-2012


PELAN TINDAKAN

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN
1. Menekankan pembangunan IKS sebagai agenda utama Malaysia di dalam APEC.	<ul style="list-style-type: none"> • Menganjurkan seminar/ persidangan khusus APEC mengenai pembangunan IKS di Malaysia. 	Menganjurkan dua seminar/ Persidangan pemasaran dan pembungkusan dan penjenamaan <i>branding</i> produk dan perkhidmatan IKS Malaysia dalam masa lima tahun.	2008-2012
	<ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan cadangan inisiatif bina upaya mengikut sektor bagi pembangunan IKS. 	Satu projek/ inisiatif setiap tahun.	2009-2012
	<ul style="list-style-type: none"> • Menjemput pakar-pakar IKS memberi ceramah dalam bidang-bidang khusus pembangunan IKS. 	Dua sesi ceramah.	2009-2012



TERAS STRATEGIK 10

Menyediakan khidmat fasilitasi perdagangan yang cekap dan mempertahankan kepentingan Malaysia daripada amalan perdagangan tidak adil.



PELAN TINDAKAN

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN
1. Melaksanakan sistem pemprosesan dan pengeluaran kelulusan permohonan analisis kos dan sijil tempasal secara <i>on-line</i>	Mengadakan program latihan, taklimat dan penerangan bagi meningkatkan tahap pelaksanaan	Pengilang dan pengeksport	2009
2. Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang kemudahan yang ditawarkan dalam perjanjian perdagangan bebas sedia ada dan baru kepada pelanggan	Mengadakan sesi penerangan, taklimat dan ceramah kepada sektor swasta dengan kerjasama Agensi MITI dan Dewan / Persatuan Perniagaan	Pengilang dan pengeksport	Tahunan
3. Meningkatkan keberkesanan terhadap usaha penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan sistem penyampaian yang lebih efisien dan efektif • Menghantar pegawai dan kakitangan mengikuti kursus dan latihan yang berkaitan 	Kakitangan Bahagian	Tahunan

PELAN TINDAKAN

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN
4. Memberi pengiktirafan kepada syarikat-syarikat yang menyertai Anugerah Kecemerlangan Industri	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan Majlis Anugerah Kecemerlangan Industri secara tahunan • Memberi insentif dari segi pelepasan cukai ke atas nilai peningkatan eksport bagi pemenang anugerah kecemerlangan eksport (dagangan dan perkhidmatan) dan anugerah kecemerlangan jenama 	Syarikat-syarikat yang menyertai Anugerah Kecemerlangan Industri	Tahunan
5. Merapatkan hubungan di antara Kerajaan Negeri dan MITI dalam hal ehwal perdagangan dan industri	Jawatankuasa Bersama Penyelarasan Industri	Kerajaan Negeri	Tahunan
6. Mendapatkan input serta maklum balas dari sektor swasta bagi membolehkan pihak Kerajaan memperkemaskan dasar-dasar dan pelaksanaan program-program berkaitan perdagangan dan perindustrian	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Dialog Tahunan MITI • Mengaturkan sesi lawatan/ perjumpaan YBM dengan Dewan / Persatuan Perniagaan dan sektor swasta 	Dewan/ Persatuan Perniagaan dan sektor swasta	Tahunan

PELAN TINDAKAN

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN
7. Menjaga kepentingan Malaysia dalam rundingan pelbagai hala bagi menetapkan peraturan Anti Lambakan, Timbal Balas dan Pelindung.	<ul style="list-style-type: none"> • Mengambil bahagian dalam semua rundingan <i>Negotiation Group on Rules</i> (NGR) dalam <i>Doha Round</i>. • Meningkatkan pengetahuan dan penglibatan pegawai-pegawai dalam rundingan NGR dalam usaha meningkatkan 'capacity building'. 	<p>Berdasarkan jadual yang ditetapkan oleh WTO NGR.</p> <p>Penglibatan sekurang-kurangnya dalam 2 rundingan.</p>	<p>Disember 2008</p> <p>Berterusan</p>
8. Memastikan eksport Malaysia boleh bersaing dengan adil di pasaran luar negara berdasarkan amalan perdagangan adil di bawah WTO.	<ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan berterusan ke atas tindakan anti lambakan, timbal balas dan pelindung yang diambil terhadap Malaysia. 	Tindak balas berkesan diambil dalam tempoh masa yang ditetapkan.	Berterusan
9. Mempertahankan industri tempatan daripada amalan perdagangan tidak adil.	<ul style="list-style-type: none"> • Bertindak sebagai <i>Investigating Authority</i>. • Memberi khidmat nasihat kepada pihak industri sekiranya import mengakibatkan kemudaratan. 	Tindakan diambil mengikut Akta dan Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 & 1994 dan Akta dan Peraturan Pelindung 2006 & 2007 serta Perjanjian-Perjanjian WTO yang berkaitan.	Berterusan

A world map is visible in the upper left corner of the page, rendered in a light, semi-transparent style. The background of the entire page is a vibrant blue and green abstract pattern with organic, cellular-like shapes and glowing lines, suggesting a digital or scientific theme.

TERAS STRATEGIK 11

Mewujudkan persekitaran yang kondusif dan khidmat sokongan yang profesional dan cemerlang dalam semua usaha berlandaskan budaya kerja MITI.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

1. FUNGSI

- Perancangan Perjawatan dan Keperluan Sumber Manusia
- Pengambilan dan Pemilihan Pekerja Kumpulan Sokongan 1
- Penempatan/Pertukaran
- Latihan dan Pembangunan
- Pembangunan Kerjaya
- Pengurusan Prestasi
- Pengurusan Saraan/Gaji dan Faedah/Kebajikan
- Perhubungan Industri
- Pengurusan Tatatertib

2. ASAS-ASAS STRATEGIK

Cabaran Sejagat Komitmen Terhadap Kualiti

<ul style="list-style-type: none">• Merancang keperluan tenaga kerja MITI• Menyediakan tugas yang bersesuaian dengan fungsi Bahagian• Sistem ganjaran ke atas kemahiran dan kejayaan• Membangunkan struktur kepimpinan organisasi melalui semangat kerja berpasukan• Menyediakan sumber tenaga yang kompetan	<ul style="list-style-type: none">• Meningkatkan kecekapan dan produktiviti• Pembelajaran berterusan melalui latihan• Mengambil faedah daripada kepelbagaian yang ada dalam organisasi• Kepuasan pelanggan dan kualiti di nilai dalam sistem pengurusan prestasi• Mengutamakan elemen kesejagatan dan fungsi pengurusan sumber manusia dimanfaatkan
--	---

3. OBJEKTIF

3.1 Dasar dan Objektif Pembangunan Sumber Manusia (PSM)

- i) Untuk menyediakan pegawai dan kakitangan terlatih bagi melaksanakan fungsi teras MITI. Tumpuan program PSM adalah untuk melahirkan pegawai dan kakitangan yang benar-benar berketerampilan mengikut bidang keutamaan dan penekanan bukan sahaja dari aspek kompetensi generik tetapi merangkumi juga core dan functional kompetensi.
- ii) Semua aktiviti pembangunan sumber manusia MITI adalah berlandaskan kepada kenyataan dalam RMKe-9 dan RRJP3 serta cabaran-cabaran dalam menentukan kejayaan IMP3. Dasar pembangunan sumber manusia secara terperinci adalah seperti berikut:
 - Menyediakan program latihan yang terancang dan sistematik untuk membangunkan teras keterampilan pegawai dan kakitangan bagi menjayakan fungsi MITI seiring dengan matlamat korporat;
 - Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam aspek-aspek tertentu dengan tugas yang akan membawa kepada peningkatan produktiviti dan kualiti perkhidmatan MITI;
 - Meningkatkan kemahiran menggunakan IT selaras dengan teknologi terkini;
 - Menyediakan kumpulan pegawai pelapis dan kakitangan yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan, berintegriti dan beramanah bagi memajukan industri dan perdagangan antarabangsa yang berdaya saing dan kompetitif bagi mencapai Wawasan 2020;
 - Menjadikan MITI sebuah organisasi yang terbaik untuk membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara;dan
 - Melahirkan tenaga kerja yang kompeten, berdisiplin, berkemahiran dan mempunyai nilai-nilai murni dalam meningkatkan kualiti kerja.
- iii) Pelaksanaan dasar yang digubal adalah bagi mencapai objektif seperti berikut:

- Menarik masuk pegawai (*entry point*) yang berbakat dan berpotensi serta mengekalkan kakitangan sedia ada yang berkaliber (*retaining existing staff*) supaya pengurusan dan perjalanan MITI dalam aspek-aspek perdagangan antarabangsa dan pelaburan serta kepentingan negara di arena antarabangsa dapat dikendalikan secara cekap dan berkesan.
- Pengambilan dan penempatan kakitangan mestilah tertumpu kepada mereka yang berpengalaman, mempunyai kemahiran khusus yang berkait rapat dengan perindustrian, perdagangan antarabangsa dan pelaburan serta mempunyai rekod perkhidmatan yang cemerlang.
- Meningkatkan kecekapan dan kemahiran anggota yang berterusan agar lebih efisien, produktif dan berkualiti;
- Membina sebuah organisasi bertaraf antarabangsa yang mempunyai anggota yang kompeten dan profesional;
- Merancang dan melaksanakan program latihan sebagai keperluan asas bagi seluruh anggota MITI berdasarkan *Training Need Analysis* (TNA) serta keperluan fungsi Bahagian/Seksyen;

dan

- Menjadikan MITI sebagai sebuah organisasi pembelajaran yang berterusan (*learning organisation*).

TERAS STRATEGI PSM

MEMBANGUNKAN MODAL INSAN YANG KOMPETEN

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA YANG BERKUALITI

Aspek Pembangunan Organisasi

Pengambilan, Penempatan dan Pertukaran


Kerja dan Pengurusan Prestasi

Pembangunan Kompetensi dan Latihan

Peraturan dan Tata Kelakuan, Motivasi dan
Perkhidmatan Kaunseling

Maklumat Sumber Manusia dan Pewujudan
Pengkalan Data

CABARAN DAN ANALISIS STRATEGIK BAGI PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DI MITI



PELAN TINDAKAN

Pengurusan Sumber Manusia

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN
1. Meningkatkan kompetensi pegawai MITI	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan kelas Bahasa Inggeris kepada semua pegawai MITI di gred 41 - 48 • Mewujudkan kumpulan Pakar Perunding FTA 	100% pegawai MITI mengikuti kelas Bahasa Inggeris	2013
2. Pelaksanaan pusingan kerja kepada anggota MITI	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan pegawai memperolehi pengalaman baru melalui pusingan kerja setiap 5 tahun bagi keadaan biasa • Memastikan pusingan kerja dilaksanakan bagi setiap 3 tahun di Bahagian yang sensitif 	Pegawai di semua gred	2013
3. Meningkatkan peluang kenaikan pangkat berdasarkan merit	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan <i>succession planning</i> secara berkesan dengan mengambilkira prestasi pegawai, sumbangan kepada organisasi dan kebolehan khas yang menunjukkan pegawai cemerlang. • Mengekalkan pegawai pakar dan berkebolehan tinggi • Mewujudkan pangkalan data yang tepat dan teratur bagi membolehkan proses pemilihan kenaikan pangkat dan pengiktirafan dilaksanakan dengan tepat 	Pegawai di semua gred	

PELAN TINDAKAN

Pengurusan Sumber Manusia

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN
4. Mengadakan sistem pengambilan khusus bagi Anggota MITI	<ul style="list-style-type: none"> Mengadakan kerjasama erat dengan Agensi Pusat bagi memastikan kekosongan di isi sepenuhnya. 	Semua Peringkat anggota	
5. Mewujudkan sistem latihan yang berkesan	<ul style="list-style-type: none"> Keperluan TNA dilaksanakan setiap tahun Rekod latihan adalah tepat Pelaksanaan job enrichment melalui sistem e-learning Memberikan latihan di peringkat antarabangsa dengan melaksanakan kerjasama dengan agensi antarabangsa 		2009 2010 2010
6. Pembangunan organisasi yang cemerlang	<ul style="list-style-type: none"> Pewujudan jawatan kenaikan pangkat Memperkemaskan perjawatan MITI di luar negara dan memberi peluang lebih ramai pegawai MITI mendapat penempatan di luar negara 		

PELAN TINDAKAN

Pengurusan Kewangan

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN
1. Memberi khidmat sokongan dari aspek kewangan dan pentadbiran kewangan dengan cekap dan berkesan	Merancang penyediaan bajet tahunan ke atas semua program yang mencukupi Memberi khidmat nasihat mengenai tatacara perbelanjaan secara berhemah	Program dijalankan dengan berkesan	2008
2. Mengawal selia pelaksanaan perbelanjaan mengikut peraturan kewangan	Menyediakan garis panduan yang tersusun untuk membantu melicinkan program MITI	Perbelanjaann dibuat mengikut peraturan	2008
3. Menguruskan pembayaran dengan cekap dan bertanggungjawab	Memantau urusan pembayaran dari semasa ke semasa melalui sistem eSPKB	Pembayaran bil dalam tempoh 14 hari	2008
4. Meningkatkan penggunaan ICT dalam urusan perolehan dan pembayaran	Memperluaskan penggunaan modul dalam sistem ePerolehan bagi sebutharga dan tender	Penggunaan 100%	2010

PELAN TINDAKAN

Bahagian Pentadbiran

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN
1. Meningkatkan kesedaran warga MITI mengenai Visi, Misi dan slogan baru serta nilai dan budaya kerja MITI	<ul style="list-style-type: none"> Mengaturkan sesi taklimat pihak pengurusan kepada semua warga MITI berkaitan visi, misi dan slogan baru MITI Merangka modul mengenai visi, misi, nilai korporat, slogan dan budaya kerja MITI dalam semua kursus induksi yang dianjurkan oleh MITI Mencetak dan mengedarkan poster visi, misi dan slogan baru MITI kepada semua bahagian untuk dipamerkan 	<ul style="list-style-type: none"> 100% pegawai MITI memahami dan menghayati visi, misi dan slogan MITI yang baru. 100% pegawai baru diberi penerangan mengenai visi, misi dan budaya kerja MITI Semua bahagian dibekalkan poster 	<p>September 2008</p> <p>Setiap tahun</p> <p>Julai 2008</p>
2. Meningkatkan amalan kualiti dalam budaya kerja MITI	<ul style="list-style-type: none"> Menyertai Anugerah Kualiti Perdana Menteri <i>Innovatif and Creatif Circle</i> Program-program kualiti 	<ul style="list-style-type: none"> Laporan disiapkan dan dihantar kepada urusetia pertandingan 2 minggu sebelum tarikh tutup 6 pasukan berjaya membentangkan projek di mini konvensyen MITI 2 ceramah berkaitan amalan kualiti dilaksanakan 2 pertandingan <ul style="list-style-type: none"> - 5S - kaunter pelanggan terbaik 	<p>April 2009</p> <p>November setiap tahun</p>

PELAN TINDAKAN

Bahagian Pentadbiran

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN
3. Persekitaran kerja yang lebih kondusif dan produktif	<ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan bangunan baru MITI 	Menduduki dan beroperasi di bangunan baru menjelang 2015	2015
	<ul style="list-style-type: none"> • Ubahsuai ruang kerja dalaman secara berperingkat 	Semua bahagian mempunyai bilik pegawai dan ruang pejabat yang lebih selesa dan peralatan pejabat yang lengkap	Disember 2009
	<ul style="list-style-type: none"> • Menaiktaraf kuanter perkhidmatan pelanggan 	Tahap kepuasan pelanggan berkaitan persekitaran dan kemudahan kaunter meningkat	
	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian kepuasan pelanggan 	Diadakan pada pertengahan tahun	Julai setiap tahun
	<ul style="list-style-type: none"> • Latihan/kursus kepada pegawai-pegawai keselamatan bahagian 	100% pegawai keselamatan yang dilantik telah menghadiri taklimat/kursus asas menjelang Disember 2008	
	<ul style="list-style-type: none"> • Menambahbaik sistem pengurusan fail terperingkat 	Sistem pengurusan fail terperingkat mematuhi arahan keselamatan dan mengguna sistem elektronik	Setiap tahun
	<ul style="list-style-type: none"> • Menaiktaraf kemudahan/peralatan keselamatan fizikal 	Sistem pengurusan fail terperingkat mematuhi arahan keselamatan dan mengguna sistem elektronik	2010

PELAN TINDAKAN

Bahagian Pentadbiran

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN
4. Menambah baik pengurusan aset kementerian	• Membangunkan sistem rekod dan pemantauan aset yang lebih efisien	Pas keselamatan secara elektronik	Disember 2009
	• Pembekalan aset alih dan inventori yang terkini	Sistem aplikasi pengurusan harta modal dan inventori digunakan sepenuhnya menjelang 2010.	Disember 2009
5. Mengukuhkan operasi dalaman kementerian	• Meningkatkan tahap penggunaan komputer	Tahap kepuasan pelanggan mengenai aset yang dibekalkan meningkat.	Disember 2009
	• Meningkatkan tahap penyediaan dan penggunaan emel	Sebuah komputer bagi setiap anggota menjelang 2010 95% anggota diberi kemudahan emel	
	• Melaksanakan aplikasi pengurusan dokumen	Aplikasi digunakan sepenuhnya menjelang 2009	
	• Sistem kehadiran bekerja	Sistem digunakan menjelang 2010	

PELAN TINDAKAN

Khidmat Nasihat Perundangan

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN
1. Mengkaji dan membuat pindaan ke atas undang-undang yang berkaitan dengan MITI	Menjalankan kajian semua keatas semua undang-undang supaya ianya relevan dengan persekitaran dan senario perdagangan semasa	Undang-undang yang berkuatkuasa adalah sesuai dengan keperluan semasa	2009
2. Memberi nasihat perundangan berhubung dengan isu-isu yang berkaitan dengan perdagangan dan industri dan kes-kes sivil	Mengambil bahagian secara aktif dalam semua perundingan dan pemuktamatan perjanjian dan memantau kes-kes sivil	Bilangan perundingan dan pemuktamatan perjanjian	2012
3. Menggubal undang-undang yang berkaitan dengan perdagangan dan perindustrian	Menyediakan draf undang-undang untuk dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara	Bilangan undang-undang yang digubal	2012

Unit Audit Dalam

Pendahuluan

Perancangan Strategik Unit Audit Dalam (UAD) bertujuan untuk membantu UAD menghadapi isu dan cabaran masa kini dan akan datang. Strategi ini bersesuaian dengan peranan UAD untuk memastikan kemantapan akauntabiliti awam serta membantu Kementerian melaksanakan dasar dengan berhemah, cekap dan berkesan.

Perancangan Strategik ini juga merupakan rangka kerja kepada pegawai dan kakitangan dalam menyediakan rancangan tahunan bagi mencapai Visi, Misi dan Objektif UAD untuk tempoh 2008 hingga 2010. Dengan adanya dokumen ini, adalah diharapkan usaha yang berterusan dapat dilaksanakan bagi memastikan UAD terus relevan dalam menghadapi cabaran dan perkembangan yang berlaku dalam sektor awam.

Asas Perancangan Strategik

Selaras dengan mandat yang diberi kepada UAD melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004, Perancangan Strategik ini disediakan dengan mengambil kira Visi, Misi, Objektif, Piagam Pelanggan, Slogan Q, Budaya Korporat, Dasar Kualiti dan Kod Etika Juruaudit.

Visi

Untuk menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti Kementerian.

Unit Audit Dalam

Objektif

- ◆ Memberi khidmat perundingan kepada Kementerian.
- ◆ Membantu Kementerian menambah nilai pengurusan kewangan dan pengurusan aktiviti Kementerian.
- ◆ Menyediakan laporan Audit yang berkualiti dan timely untuk dikemukakan kepada Pengurusan Kementerian.
- ◆ Melaksanakan aktiviti pengauditan dan penyediaan laporan secara bebas dan seimbang.
- ◆ Menguruskan aktiviti audit dengan cekap dan berkesan.

Piagam Pelanggan

- ◆ Memberi khidmat perundingan secara profesional.
- ◆ Menjalankan pengauditan secara profesional.
- ◆ Menyediakan laporan Audit yang seimbang tanpa sebarang prejudis dan prasangka.

Slogan Kualiti

- ◆ Negara sebelum diri;
- ◆ Berkhidmat dengan dedikasi;
- ◆ Kecemerlangan dalam usaha;
- ◆ Pencapaian secara pasukan;
- ◆ Satu Kementerian satu aspirasi.

Unit Audit Dalam

Budaya Korporat

- ◆ Integriti
Mematuhi kod etika profesional dalam memberi khidmat perundingan, melaksana dan melaporkan penemuan audit.

- ◆ *Esprit de Corps*
Menekankan kepentingan kerja berpasukan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang produktif yang menekankan kepada semangat *esprit de corps* dan berinovasi.

- ◆ Bertanggungjawab
Bertanggungjawab di dalam semua tindakan sama ada sebagai Juruaudit atau kakitangan Kementerian.

- ◆ Profesionalisme
Memastikan tahap profesionalisme yang tinggi dalam pelaksanaan Audit dengan memberi penekanan kepada disiplin kakitangan dan kualiti kerja.

- ◆ Kebebasan
Melaksanakan tugas tanpa kekangan supaya dapat melapor dan memberi pendapat dengan bebas selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004.

- ◆ Kualiti
Memastikan kualiti yang tinggi dalam melaksanakan tugas dengan menekankan kepada budaya kerja yang baik dan pembangunan profesional yang berterusan.

Unit Audit Dalam

Dasar Kualiti

UAD adalah komited kepada khidmat perundingan, pengauditan dan pelaporan yang berkualiti dan profesional.

Kod Etika

- ◆ Keutuhan
- ◆ Kebebasan, Adil dan Saksama
- ◆ Profesionalisme
- ◆ Urus Tadbir yang baik *Good Governance*
- ◆ Kerahsiaan
- ◆ Kompetensi dan ketelitian profesional yang sewajarnya *Due Professional Care*
- ◆ Jaminan kualiti
- ◆ Disiplin diri
- ◆ Percanggahan kepentingan
- ◆ Penglibatan dalam aktiviti luar

Unit Audit Dalam


Cabaran dan Faktor Penentu Kejayaan Perancangan Strategik

UAD adalah komited untuk menambah baik pentadbiran Kementerian melalui penilaian yang objektif terhadap prestasi kecekapan dan keberkesanan pentadbiran serta memberi kepastian dan khidmat perundingan kepada Pengurusan Kementerian mengenai sistem kawalan dalaman dan proses tadbir urus Kementerian. Kepastian yang diberi oleh Ketua Audit Dalam adalah melalui pendapat profesional terhadap kesempurnaan, kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan proses tadbir urus.

Rajah 1 : Hubung Kait Visi dan Pelan Strategik Unit Audit Dalam



Rajah 2 : Cabaran, Faktor Penentu Kejayaan, Teras Dan Fokus Perancangan Strategik



Cabaran

Persekitaran di mana UAD beroperasi memberikan kesan yang signifikan kepada pendekatan kerja dan penyampaian perkhidmatan seperti mana yang digariskan mengikut peraturan.

Keupayaan untuk mengenal pasti dan bertindak balas dengan perubahan yang berlaku dalam persekitaran operasi, dalaman ataupun luaran, memberi kesan secara langsung atau tidak langsung kepada proses penyampaian perkhidmatan dan merupakan faktor yang mempengaruhi kejayaan UAD dalam mencapai matlamat yang ditetapkan.

Cabaran utama yang dikenal pasti oleh UAD adalah:-

- ◆ Pelancaran Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) menuntut usaha yang lebih gigih daripada semua pihak iaitu kerajaan, swasta dan rakyat bagi membangunkan negara ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing. UAD berperanan untuk memastikan bahawa pelaksanaan program dan aktiviti serta pengurusan wang awam dilakukan dengan cekap, berkesan dan berhemah.
- ◆ Kompleksiti persekitaran operasi organisasi sektor awam disebabkan oleh perubahan teknologi serta peningkatan penggunaan dan kompleksiti sistem teknologi maklumat.
- ◆ Peningkatan Ekspektasi Pelanggan dan *Stakeholder*
 - peningkatan ekspektasi terhadap sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan;
 - memenuhi harapan pelanggan dan *stakeholder*.
- ◆ Perkembangandanperubahan dalam bidang perakaunan dan pengauditan, melibatkan:
 - penekanan terhadap tadbir urus yang baik;
 - penggunaan standard perakaunan dan pengauditan yang berubah;
 - keperluan untuk memantapkan kualiti Laporan Tahunan Unit Audit Dalam;
 - keperluan pengurusan sumber manusia yang terancang dan komprehensif bertujuan untuk meningkatkan kepakaran dan kecekapan.

Faktor Penentu Kejayaan

Empat (4) komponen utama dikenal pasti sebagai penyumbang kepada kejayaan pelaksanaan perancangan strategik ini iaitu komitmen pengurusan atasan, pembangunan modal insan, kecemerlangan operasi dan kemudahan infrastruktur yang terbaik.

a. Komitmen Pengurusan Atasan

Pengurusan atasan Kementerian memberikan perhatian yang serius serta menunjukkan komitmen yang tinggi bagi menjayakan perancangan strategik ini. Kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh pengurusan atasan memberi petunjuk bahawa pencapaian matlamat perancangan strategik adalah penting dan ini perlu difahami oleh semua peringkat kakitangan di dalam UAD.

b. Pembangunan Modal Insan

Modal insan merupakan elemen penting yang menentukan kejayaan sesebuah organisasi. Oleh itu, perancangan sumber manusia yang berkesan sangat diperlukan. Di antara elemen penting untuk memastikan kejayaan UAD adalah:-

- proses pembelajaran berterusan untuk meningkatkan tahap profesionalisme pegawai;
- pelan penggantian terancang bagi memastikan kelangsungan kecekapan dan keberkesanan operasi UAD;
- budaya perkongsian ilmu pengetahuan; dan
- memperkasa modal insan.

Strategi sumber manusia yang komprehensif adalah perlu untuk menyokong dan memasti kejayaan pelaksanaan perancangan strategik ini. Strategi perancangan sumber manusia akan meliputi latihan, pembangunan kerjaya, pengurusan prestasi dan pengiktirafan.

c. Kecemerlangan Operasi

UAD sentiasa berusaha menambah baik proses pengauditan untuk memastikan keberkesanannya dengan mengurus risiko serta membuat keputusan yang berkesan. Kesemua ini dilaksanakan melalui pembangunan sistem ICT yang mantap bagi meningkatkan integrasi dan kualiti pengurusan maklumat.

Mengurus risiko dengan baik adalah penting. Sekiranya tidak diuruskan dengan baik ia akan memberikan kesan kepada keupayaan Ketua Audit Dalam untuk melaksanakan mandatnya serta mencapai objektif UAD. Empat (4) kategori risiko yang dikenal pasti adalah:-

- proses kerja untuk mengeluarkan Pemerhatian Audit, Unit Audit Dalam;
- kawalan kualiti yang dilaksanakan serta penggunaan sumber manusia yang mempengaruhi khidmat perundingan dan kualiti Laporan Tahunan;
- reputasi dan imej;
- tadbir urus.

Memaksimumkan impak pengauditan untuk meningkatkan akauntabiliti sentiasa menjadi keutamaan UAD melalui usaha penambahbaikan berterusan serta inisiatif untuk melakukan inovasi terhadap proses kerja. Objektif utama yang ingin dicapai adalah untuk membantu Kementerian menambah nilai dalam tadbir urus serta meningkatkan kecemerlangan operasi dan kualiti pengauditan. Untuk itu, UAD menekankan kepentingan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan untuk memastikan:-

- proses kerja dalaman UAD adalah berkesan, cekap dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan dalam tempoh yang lebih cepat;
- kesemua polisi dan prosedur serta proses pengauditan dirancang selaras dengan mandat yang diberi kepada Ketua Audit Dalam serta polisi dan peraturan Kerajaan.

d. Infrastruktur dan Infostruktur

Kementerian sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan infostruktur yang baik bagi memudahkan serta menyokong operasi UAD. Kementerian memberi peluang latihan kepada Juruaudit untuk mengikuti kursus yang diadakan oleh Jabatan Audit Negara dan pihak lain. Projek pengkomputeran membantu Juruaudit melaksanakan tugas pengauditan dengan lebih cekap dan berkesan. Kemudahan infrastruktur dan infostruktur yang baik serta disokong oleh sumber manusia yang berkualiti akan memacu UAD ke arah pencapaian matlamat perancangan strategik dengan lebih cemerlang.

Teras Strategik

Aktiviti utama UAD adalah memberi khidmat perundingan secara objektif untuk menambah baik nilai dan meningkatkan tahap operasi Kementerian. Oleh itu, produk utama UAD adalah Khidmat Perundingan dan menambah baik tadbir urus melalui pengauditan. Sehubungan dengan itu, tumpuan diberikan kepada usaha membangunkan modal insan yang cemerlang melalui latihan bagi menghasilkan pengauditan dan pelaporan yang berkualiti serta menambah nilai kepada sistem pengurusan Kementerian. Ketiga-tiga perkara tersebut merupakan teras kepada usaha mencapai kecemerlangan UAD.

Rajah 2 : Teras Perancangan Strategik Unit Audit Dalam

Latihan	<ul style="list-style-type: none"> • membangunkan sumber manusia bagi memperkasa modal insan; • komitmen terhadap budaya pembelajaran berterusan;
Pengauditan	<ul style="list-style-type: none"> • pengauditan berkualiti melalui pematuhan kepada standard pengauditan antarabangsa; • memantap sistem dan prosedur pengauditan; • menceburi bidang pengauditan baru bersesuaian dengan perkembangan semasa; • penggunaan teknik dan metodologi pengauditan terkini.
Khidmat Perundingan	<ul style="list-style-type: none"> • meningkatkan pengetahuan dan berupaya memberi khidmat perundingan.
Laporan Tahunan	<ul style="list-style-type: none"> • meningkatkan kualiti secara berterusan; • impak positif untuk meningkatkan kecemerlangan pengurusan dan akauntabiliti Kementerian.

Teras 1 : Penguksuhan Unit Audit Dalam Melalui Latihan

Modal insan cemerlang mampu memacu kejayaan Kementerian pada masa hadapan. Aktiviti membangunkan modal insan cemerlang dilaksanakan melalui program latihan yang terancang dan komitmen Kementerian dalam menerapkan budaya pembelajaran berterusan yang bertujuan untuk mengukuh dan meningkat kompetensi pegawai dalam bidang pengauditan yang khusus. Ini juga merupakan satu usaha penguksuhan organisasi *organisational strengthening* selain menyediakan kemudahan infrastruktur dan infostruktur yang baik bagi menyokong operasi Kementerian.

Teras 2 :

Pengauditan Yang Berkualiti, Cekap, Berkesan dan Berhemah

UAD komited kepada pengauditan yang berkualiti serta berusaha melaksanakan tugas secara cekap, berkesan dan berhemah. Ini dilakukan melalui pematuhan kepada standard pengauditan antarabangsa serta mewujudkan sistem dan prosedur pengauditan yang teratur. Perkembangan, perubahan dan pengenalan bidang baru dalam pengauditan menyediakan cabaran serta peluang kepada UAD untuk terus meningkatkan prestasi kerja pengauditan. UAD juga memperkenalkan dan menggunakan teknik serta metodologi pengauditan yang selaras dengan perkembangan semasa. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan sistem penyampaian kepada pelanggan utama iaitu Kementerian dan Agensi di bawahnya.

Teras 3 :

Khidmat Perundingan

Adalah menjadi tanggungjawab UAD memberi kepastian dan khidmat perundingan mengenai sistem kawalan dalaman dan proses tadbir urus. Untuk itu, UAD akan terus berusaha untuk meningkatkan ilmu dan pengetahuan bagi membantu dalam memberi khidmat perundingan.

Teras 4 :


Laporan Tahunan Unit Audit Dalam Yang Berkualiti

Kualiti serta impak Laporan Tahunan adalah penting kepada UAD. Meningkatkan kualiti Laporan Tahunan memerlukan usaha yang berterusan serta komitmen semua pihak dalam UAD. UAD berharap Laporan Tahunan memberikan impak positif kepada usaha meningkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan.

Matriks Transformasi

Hubung kait di antara faktor kritikal dengan teras strategik adalah seperti di Rajah 3.

Rajah 3 : Penekanan Faktor Kritikal Setiap Teras Strategik



Fokus

Khidmat perundingan merupakan fungsi utama UAD. Sehubungan itu, kualiti dan khidmat nasihat/perundingan, kos dan timeliness perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Pengurusan pengauditan yang berkesan dan menyeragamkan proses atau kaedah melaksanakan pengauditan diberikan keutamaan di Kementerian ini.

Perubahan dalam organisasi dan prestasi operasi Kementerian merupakan faktor kritikal kepada kejayaan organisasi pada masa akan datang. Sehubungan itu, perancangan strategik ini memberikan fokus kepada tiga (3) perkara berikut bagi mencapai matlamat yang ditetapkan:-

Pelanggan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan utama UAD adalah Kementerian dan Agensi di bawahnya.
Produk dan Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Produk utama UAD ialah khidmat perundingan yang diberikan melalui pengauditan yang berkualiti iaitu pengauditan pengurusan kewangan dan prestasi bagi menambah baik tadbir urus auditi.
Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Fokus kepada perubahan dalaman dan luaran bagi memperteguh keupayaan Kementerian menghadapi cabaran persekitaran. Sentiasa melakukan penilaian dan perubahan bagi menambah baik proses kerja, struktur sokongan dan prosedur untuk memaksimumkan prestasi kerja.

Fokus, Objektif dan Strategi bagi mencapai matlamat perancangan strategik ini dapat diringkaskan seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Fokus, Objektif dan Strategi Perancangan Strategik

Fokus	Pelanggan	Produk dan Perkhidmatan	Organisasi
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> Laporan <i>timely</i> kepada Perbendaharaan Malaysia. 	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan pengauditan secara profesional 	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kualiti pengauditan
	<ul style="list-style-type: none"> Memenuhi harapan <i>stakeholders</i> 	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan laporan seimbang 	<ul style="list-style-type: none"> Organisasi cemerlang
	<ul style="list-style-type: none"> Pengiktirafan <i>stakeholders</i> dan auditi 		<ul style="list-style-type: none"> Menambah baik proses, sistem dan pengurusan
			<ul style="list-style-type: none"> Mengukuhkan keupayaan Kementerian
			<ul style="list-style-type: none"> Jaminan kualiti
Strategi	<ul style="list-style-type: none"> Hubungan dengan Auditi 	<ul style="list-style-type: none"> Pemilihan topik yang relevan untuk membantu mempertingkatkan tadbir urus sektor awam 	<ul style="list-style-type: none"> Tadbir urus dan kepimpinan
	<ul style="list-style-type: none"> Sensitiviti kepada perubahan persekitaran 	<ul style="list-style-type: none"> Kesedaran pelanggan terhadap produk dan perkhidmatan 	<ul style="list-style-type: none"> Perancangan strategik
	<ul style="list-style-type: none"> Kerjasama dengan badan profesional 	<ul style="list-style-type: none"> Mempertingkatkan pengauditan ICT 	<ul style="list-style-type: none"> Kerjasama berpasukan
		<ul style="list-style-type: none"> Jaminan kualiti menyeluruh 	<ul style="list-style-type: none"> Memantapkan perancangan sumber manusia

Fokus	Pelanggan	Produk dan Perkhidmatan	Organisasi
		<ul style="list-style-type: none"> • Sistem Pengurusan Pengauditan yang berkesan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pencapaian berasaskan objektif
			<ul style="list-style-type: none"> • Pembelajaran berterusan dan pembangunan profesional.
			<ul style="list-style-type: none"> • Pengiktirafan dan ganjaran
			<ul style="list-style-type: none"> • Aplikasi teknologi dan agihan sumber yang cekap dan berkesan
			<ul style="list-style-type: none"> • Produk sokongan dan pengukuran prestasi
			<ul style="list-style-type: none"> • Penglibatan dalam membuat keputusan

Pelanggan

a. Objektif

- Memberi khidmat perundingan dalam menambah nilai tadbir urus;
- Menyediakan Laporan Tahunan yang timely kepada Perbendaharaan Malaysia berkenaan prestasi dan akauntabiliti pengurusan kewangan dan aktiviti Kementerian dan Agensi di bawahnya;
- Memenuhi keperluan dan harapan stakeholders dan auditi;
- Stakeholders dan auditi memahami dan mengiktiraf peranan dan sumbangan UAD dalam menambah baik pengurusan kewangan dan aktiviti sektor awam.

b. Strategi

- Mewujudkan hubungan baik dengan auditi;
- Memperbaiki dan meningkatkan hubungan dan auditi;

- Meningkatkan kefahaman dan perhatian terhadap perubahan dalam polisi awam, operasi agensi dan keperluan profesional;
- Meningkatkan hubungan dan kerjasama dengan badan profesional berkaitan pengauditan sektor awam atau swasta.

c. Program

- Meningkatkan pengetahuan dalam bidang pengauditan, perundingan, teknologi maklumat dan bidang atau cabaran baru yang muncul supaya dapat memberi khidmat nasihat yang terbaik kepada pihak auditi sebagai pelanggan;
- Menambah baik persembahan dan pembaharuan dalam penulisan Laporan Audit dari semasa ke semasa;
- Mewujudkan kerjasama dengan Jabatan Audit Negara dari segi dalam bidang latihan, penganalisan data dan maklumat secara saintifik bagi setiap kajian yang dijalankan;
- Mengadakan *strategic alliance* melalui kerjasama di antara UAD dan beberapa organisasi dan badan profesional dalam bidang pengauditan. Semua ini akan memberi kesan positif kepada Juraudit dan auditi bagi meningkatkan faedah dan nilai;
- Meningkatkan hubungan yang rapat dengan badan profesional perakaunan;
- Proses dan prosedur kerja sentiasa disemak dan ditanda aras *benchmark* terhadap organisasi yang terbaik;
- Pelanggan (Kementerian dan Agensi) – UAD perlu memberi maklumat yang tepat dan *timely* bagi membantu meningkatkan integriti dan akauntabiliti awam ke arah mencapai visi kerajaan untuk mewujudkan negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang;
- Bertindak proaktif terutama terhadap perubahan dalam pengurusan kewangan dan sistem perakaunan yang diperkenalkan oleh kerajaan melalui hubungan baik dengan badan bertanggungjawab menghasilkan standard berkaitan perakaunan.

Produk dan Perkhidmatan

a. Objektif

- Memberi khidmat perundingan sebagai *Assurance Provider* bagi membantu meningkatkan kualiti tadbir urus Kementerian;
- Menyediakan Laporan Tahunan yang seimbang tanpa prejudis.

b. Strategi

- Menyediakan laporan yang berbeza dalam selang masa yang sesuai;
- Membincangkan topik yang boleh membantu meningkatkan pentadbiran dalam Kementerian;

- Meningkatkan keprihatinan pelanggan terhadap produk dan perkhidmatan yang disediakan;
- Meningkatkan keupayaan pengauditan dalam bidang ICT;
- Menyediakan sistem jaminan kualiti menyeluruh melalui semakan terhadap aktiviti dan produk organisasi;
- Melaksanakan aktiviti pengauditan dan penyediaan laporan secara bebas dan seimbang;
- Menguruskan aktiviti audit dengan cekap dan berkesan;

c. Program

- Rancangan Audit Tahunan disediakan berdasarkan perancangan kerja yang rapi dengan memberi tumpuan kepada pemilihan tajuk kajian mengikut faktor materialiti kewangan, risiko yang tinggi, signifikan dan aktiviti utama. Faktor ini akan menyumbang kepada Laporan Audit yang lebih berkualiti;
- Fokus kepada Agensi yang lemah dalam pengurusan kewangan;
- Kajian pengauditan prestasi dan pengurusan kewangan hendaklah dilaksanakan mengikut tenaga kerja dan sumber kewangan yang ada;
- Menambah baik persembahan dan pembaharuan dalam penulisan Laporan Audit dari semasa ke semasa;
- Menambah baik teknik dan metodologi pengauditan prestasi, pelaburan dan ICT dengan merujuk negara maju atau artikel dari *Asian Organisation of Supreme Audit Institution (ASOSAI)* dan *Internasional Organisation of Supreme Audit Institution (INTOSAI)*;
- Mewujudkan polisi dan proses untuk memudahkan pengauditan sistem maklumat selaras dengan perkembangan sistem maklumat dalam sector awam;
- Mengamalkan Kod Etika Juruaudit;
- Memperkemas dan meluaskan fungsi pasukan *peer review* terhadap Laporan Audit;
- Membuat penilaian terhadap kualiti kerja pengauditan.

Organisasi

a. Objektif

- Meningkatkan tahap dan kualiti pengauditan;
- Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi serta memupuk minda kelas pertama;
- Membangunkan proses, sistem serta amalan pengurusan berkesan yang memenuhi keperluan Kementerian;
- Menyediakan jaminan kualiti yang mapan.

b. Strategi

- Mewujudkan tadbir urus serta kepimpinan yang baik;
- Menambah baik sistem penyampaian;

- Menambah baik persekitaran kerja melalui komitmen terhadap pembelajaran berterusan dan pembangunan profesional yang sesuai untuk meningkatkan prestasi;
- Menggalakkan penyertaan menyeluruh dalam pembuatan keputusan;

c. Program

- Menerapkan elemen organisasi cemerlang dalam pentadbiran jabatan seperti berikut:

Efisien	<ul style="list-style-type: none"> • Berkaitan produktiviti dengan memberi penekanan dari segi khidmat nasihat, pengurusan audit, laporan audit dan perhubungan dengan pihak auditi.
Efektif	<ul style="list-style-type: none"> • Dari segi penyampaian perkhidmatan bagi memenuhi kehendak pelanggan tanpa menjejaskan objektiviti serta kebebasan juruaudit dalam melaksanakan tugas.
Fleksibiliti	<ul style="list-style-type: none"> • Berhubung dengan keupayaan untuk menyesuaikan sesuatu perkara dan seterusnya mempertahankannya tanpa menjejaskan kepentingan dan kredibiliti semua pihak.

- Mengamalkan strategi *turnaround* dengan mengubah minda daripada mencari kesalahan kepada pendekatan pembangunan dan penyertaan. Tumpuan kepada pelanggan perlu diberi perhatian melalui pengurusan yang telus di samping menggalakkan perundingan;
- Merancang latihan yang sistematik dan relevan untuk mempertingkatkan kompetensi pegawai dan kakitangan;
- Mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran teknikal juruaudit. Setiap pegawai perlu diberi latihan mengikut standard jam latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari mengikut Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.
- Meningkatkan kemahiran juruaudit dalam bidang kemahiran interpersonal seperti kemahiran berkomunikasi, sosial dan pengurusan konflik.
- Menggalakkan pemikiran kreatif dan inovatif di kalangan juruaudit dalam merancang dan melaksanakan tugas untuk melahirkan kualiti kerja audit yang tinggi serta auditi mendapat faedah;

- Melaksanakan *knowledge management programme* kepada juruaudit untuk menuju ke arah organisasi pembelajaran yang cemerlang seperti:
- Menggalak pembelajaran berterusan dengan memberi peluang melanjutkan pelajaran, menghadiri kursus, seminar, bengkel dan persidangan yang berkaitan dengan tugas.
- Melaksanakan program untuk melahirkan *k-workers* seperti berikut:
- Meningkatkan keupayaan kapasiti secara berterusan.
- Mengasah bakat kepimpinan, penganalisan, perundingan dan kepimpinan.
- Mengenal pasti pemimpin sebagai pelapis, pemangkin dan penggerak masa depan Kementerian.
- Mewujud dan melaksanakan pengukuran prestasi secara menyeluruh berasaskan petunjuk prestasi utama (KPI);
- Mewujudkan strategi kawalan kualiti untuk memastikan keseluruhan proses pengauditan adalah selaras dengan objektif Kementerian untuk meningkatkan sistem pengurusan kewangan dan tadbir urus;
- Membangunkan sistem pemantauan proses audit sebagai pendekatan proaktif dalam hubungan dengan auditi serta dalam merancang dan memantau kemajuan pengauditan;
- Mengadakan *strategic alliance* melalui kerjasama di antara jabatan dan organisasi serta badan profesional dalam bidang pengauditan, penyelidikan dan latihan.

Meningkatkan akauntabiliti dan integriti melalui pengauditan yang berkualiti dan profesional

Mengekalkan penyediaan laporan yang timely kepada Perbendaharaan Malaysia, memenuhi harapan serta mendapat pengiktirafan stakeholders



Menjadi Unit Audit Dalam cemerlang

Menjadi tempat rujukan

Penilaian Prestasi

Selaras dengan strategi yang telah digariskan, Kementerian adalah komited untuk melaksanakan pengukuran prestasi bagi menilai pencapaian matlamat yang ditetapkan. Perancangan tahunan akan diselaraskan dan prestasi akan dinilai pada setiap tahun menggunakan set pengukuran yang ditetapkan.

Prestasi UAD juga akan dinilai berdasarkan tahap kepuasan hati pelanggan. Kajian mengenai tahap kepuasan hati pelanggan terhadap produk dan perkhidmatan UAD akan dinilai pada pertengahan tempoh pelaksanaan perancangan strategik ini selain penilaian tahunan.

Pelaksanaan Perancangan Strategik

Pelaksanaan rancangan strategik ini akan dijayakan melalui pendekatan seperti berikut:-

- ◆ Komitmen dan penglibatan sepenuhnya oleh semua pegawai dan kakitangan;
- ◆ Garis panduan, dokumen serta arahan terkini Kementerian akan dijadikan asas;
- ◆ Bekerja secara berpasukan menjadi amalan;
- ◆ Maklum balas berkala serta fokus kepada hala tuju yang ditetapkan; dan
- ◆ Perkongsian maklumat dan pengalaman.

UAD mempunyai peranan untuk melaksanakan pelan tindakan seperti dinyatakan di dalam dokumen ini. Adalah diharapkan pelaksanaan perancangan strategik UAD dapat dicapai melalui pemahaman serta penghayatan kandungan dalam rancangan ini.

Kesimpulan

Penyediaan Perancangan Strategik ini merupakan satu usaha UAD bagi memantapkan kualiti sistem penyampaian UAD selaras dengan hasrat Kementerian. Sehubungan itu, diharapkan ia akan menjadi teras/rujukan utama dalam rangka kerja untuk mempercepatkan usaha UAD bagi merealisasikan visi UAD untuk menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti Kementerian.